



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 66  
No. 16

**1hb Ogos 2013**

*TAMBAHAN No. 16  
PERUNDANGAN*

---

---

**Sel. P.U. 61.**

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) 2003**

**PERATURAN-PERATURAN TAULIAH (NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) 2013**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 122 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1/2003*], Majlis, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat Peraturan-Peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2011.

**Pindaan peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008 [*Sel.P.U. 22/2008*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam Peraturan 2—

(a) dengan memasukkan sebelum takrif "Enakmen" takrif yang berikut:

‘ “bermastautin” ertinya menetap di mana-mana kawasan dalam Negeri Selangor selama tempoh tidak kurang daripada empat bulan; ’;

(b) dengan memasukkan selepas takrif “MAIS” takrif yang berikut:

“mengajar” ertinya menyampaikan sebarang maklumat yang berkaitan dengan agama Islam melalui ceramah, forum, pengkisahan, motivasi, taklimat, tazkirah, pembentangan kertas kerja, kuliah, audio visual atau cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa;

“penganjur” ertinya Nazir Masjid atau Pengerusi Surau atau mana-mana orang yang menjemput seseorang penceramah yang mempunyai atau tidak mempunyai tauliah;

“Rekod Daftar” ertinya apa-apa rekod dalam bentuk fail, folder, cakera padat atau sistem pangkalan data; dan; dan

(c) dengan memotong perkataan “dan” di hujung takrif MAIS.

### Pindaan peraturan 3

3. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “Setiausaha MAIS” dengan perkataan “Mufti”;

(b) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh MAIS;”;

(c) dalam perenggan (f), dengan menggantikan perkataan “dua” dengan perkataan “empat”; dan

(d) dalam perenggan (g)—

(i) dengan memotong perkataan “Pengurusan”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “(Dakwah)” perkataan “atau mana-mana orang yang dilantik oleh MAIS”.

### Pindaan peraturan 6

4. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Buku Daftar” dengan perkataan “Rekod Daftar”.

### Pindaan peraturan 9

5. Subperaturan 9(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Lima” dengan perkataan “Empat”.

### Pindaan peraturan 10

6. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “Tauliah Ceramah Umum” perkataan “kategori D1”;

- (b) dalam perenggan (b)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “Tauliah Mengajar Agama Islam berkitab” perkataan “kategori D2”; dan
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “berkala” perkataan “menggunakan kitab”;
- (c) dalam perenggan (d), dengan memasukkan selepas perkataan “Tauliah Mengajar Al-Quran” perkataan “kategori D3”; dan
- (d) dalam perenggan (e), dengan memasukkan selepas perkataan “Tauliah Khas” perkataan “kategori D4”.

### **Pindaan peraturan 11**

7. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Seseorang yang ingin memohon mana-mana Tauliah yang disebut dalam peraturan 10, hendaklah memenuhi kehendak yang berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) beragama Islam dari kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (c) berumur 18 tahun dan ke atas;
- (d) sihat tubuh badan dan sempurna akal;
- (e) berakhlak dengan akhlak Islam;
- (f) tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah oleh Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah;
- (g) mempunyai pengetahuan agama Islam sekurang-kurangnya di peringkat Empat Sanawi atau yang setaraf dengannya atau di peringkat sijil yang diperakui oleh Jawatankuasa;
- (h) lulus ujian bertulis dan temuduga yang dijalankan oleh Jawatankuasa;
- (i) mendapat kebenaran bertulis daripada majikan; dan
- (j) bermastautin dalam Negeri Selangor.”.

### **Pindaan peraturan 13**

8. Subperaturan 13(5) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Buku Pendaftaran” dengan perkataan “Rekod Daftar”.

**Pindaan peraturan 22**

9. Peraturan 22 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) Alim Ulama atau tokoh agama sama ada dari dalam atau luar negeri yang dijemput secara rasmi oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, jabatan, agensi atau penganjurnya;”.

Dibuat 4 Julai 2013

[MAIS/SU/BUU/02/011/6; PU.SEL.AM 0019/2012]

DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN HAJI MOHD ISA  
*Pengerusi*  
*Majlis Agama Islam Selangor*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM  
 (STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

*TAULIAH* (STATE OF SELANGOR) (AMENDMENT) REGULATIONS 2013

IN exercise of the powers conferred by section 122 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment No. 1 of 2003*], the Majlis, with the approval of His Royal Highness the Sultan, makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These Regulations may be cited as the *Tauliah (State of Selangor) (Amendment) Regulations 2013*.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 1 October 2011.

**Amendment of regulation 2**

2. The *Tauliah* (State of Selangor) Regulations 2008 [*Sel. P.U. 22/2008*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2—

(a) by inserting before the definition of “Enactment” the following definition:

‘ “reside” means residing in any area in the State of Selangor for a period of not less than four months; ’;

(b) by inserting after the definition of “MAIS” the following definitions:

“teach” means delivering any information in connection with Islamic religion through talk, forum, narrative form, motivation, briefing, *tazkirah*, working paper presentation, lecture, audio visual or other manner as may be determined by Committee;

“organiser” means *Nazir Masjid* or *Pengerusi Surau* or any person who invites a speaker with or without *Tauliah*;

“Register Record” means any record in the form of file, folder, compact disc or data base system; and ; and

(c) by deleting the word “and” at the end of the definition of “MAIS”.

### **Amendment of regulation 3**

3. Regulation 3 of the principal Regulations is amended—

(a) in paragraph (a), by substituting for the words “Secretary of MAIS” the word “Mufti”;

(b) by substituting for paragraph (b) the following paragraph:

“(b) Deputy Chairman appointed by MAIS;”;

(c) in paragraph (f), by substituting for the word “two” the word “four”;  
and

(d) in paragraph (g)—

(i) by deleting the words “Management of”; and

(ii) by inserting after the words “(Dakwah)” the words “or any person appointed by MAIS”.

### **Amendment of regulation 6**

4. Regulation 6 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “Registration Book” the words “Register Record”.

### **Amendment of regulation 9**

5. Subregulation 9(2) of the principal Regulations is amended by substituting for the word “Five” the word “Four”.

### **Amendment of regulation 10**

6. Regulation 10 of the principal Regulations is amended—

(a) in paragraph (a), by inserting after the words “*Tauliah Ceramah Umum*” the words “category D1”;

(b) in paragraph (b)—

(i) by inserting after the words “*Tauliah Mengajar Agama Islam berkitab*” the words “category D2”; and

(ii) by inserting after the word “regularly” the words “using *kitab*”;

(c) in paragraph (d), by inserting after the words “*Tauliah Mengajar Al-Quran*” the words “category D3”; and

(d) in paragraph (e), by inserting after the words “*Tauliah Khas*” the words “category D4”.

#### **Amendment of regulation 11**

7. Regulation 11 of the principal Regulations is amended by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) A person who wishes to apply for any *Tauliah* mentioned in regulation 10, shall satisfy the following requirements:

(a) a citizen of Malaysia;

(b) a Muslim from amongst *Ahli Sunnah Wal Jamaah*;

(c) aged 18 and above;

(d) is physically fit and of sound mind;

(e) is of good conduct according to Islamic teaching;

(f) has not been convicted of any criminal offence by Civil or Syariah Court;

(g) has Islamic religious knowledge at least at *Sanawi* Four level or equivalent thereof or at certificate level certified by the Committee;

(h) has passed the written test and interview conducted by the Committee;

(i) has obtained written consent from his employer; and

(j) resides in the State of Selangor.” .

#### **Amendment of regulation 13**

8. Subregulation 13(5) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “Registration Book” the words “Register Record”.

**Amendment of regulation 22**

9. Regulations 22 of the principal Regulations is amended by substituting for paragraph (a) the following paragraph:

“(a) *Alim Ulama* or religious leaders whether from within or outside the state who were officially invited by the Federal Government, State Government, its departments, agencies or organiser;”.

Made 4 July 2013

[MAIS/SU/BUU/02/011/6; P.U. Sel. Am 0019/2012]

DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN HAJI MOHD ISA  
*Chairman*  
*Majlis Agama Islam Selangor*

